



KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA

TINJAUAN UMUM KERTAS KONSULTASI AWAM BAGI BAJET 2023

PROGRAM SUBSIDI BERSASAR

16 OGOS 2022 | SELASA



TINJAUAN UMUM KERTAS KONSULTASI AWAM

PROGRAM SUBSIDI BERSASAR

Amaun subsidi dan bantuan sosial akan mencecah RM80 bilion berbanding RM31 bilion semasa Bajet 2022 dibentangkan. Peningkatan amaun ini merupakan pendekatan perlu yang diambil Kerajaan Persekutuan dengan matlamat untuk mengurangkan beban kenaikan kos sara hidup yang ditanggung oleh Keluarga Malaysia terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga komoditi dunia.

Sebagai contoh, seluruh Keluarga Malaysia tanpa mengira samada dari kumpulan B40, M40 dan T20 telah menikmati subsidi petrol RON95 yang disediakan. Berdasarkan laporan perbelanjaan bulanan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tahun 2019, kumpulan B40 telah membelanjakan hampir RM165 sebulan bagi tujuan pembelian petrol RON95. Manakala pengguna dari kumpulan M40 dan T20 telah membelanjakan hampir RM350 sebulan dan RM480 sebulan masing-masing bagi pembelian produk yang sama. Ini bermakna kumpulan T20 telah mendapat manfaat yang lebih iaitu hampir 3 kali amaun subsidi yang dinikmati oleh kumpulan B40. Sehubungan itu, terdapat keperluan melaksanakan program rasionalisasi subsidi untuk memberikan manfaat sepenuhnya kepada kumpulan sasar.

Justeru, Kementerian Kewangan menyediakan tinjauan umum ini sebagai salah satu pendekatan bagi mendapatkan input bagi tujuan menjayakan program rasionalisasi subsidi. Kementerian Kewangan menjemput semua untuk memberi input dengan menjawab soalan yang dibentangkan di dalam tinjauan umum ini. Tinjauan ini dibahagikan kepada tiga (3) Bahagian seperti berikut:

- Bahagian A : Maklumat Diri
- Bahagian B : Perbelanjaan Utama Bulanan
- Bahagian C : Tinjauan Pelaksanaan Subsidi Secara Bersasar

- Kategori 1: Subsidi Minyak Masak Paket 1kg
- Kategori 2: Subsidi Petrol RON95
- Kategori 3: Subsidi Diesel
- Kategori 4: Subsidi Gas Memasak
- Kategori 5: Subsidi Bil Elektrik

Salinan tinjauan umum ini boleh dimuat turun daripada laman web rasmi Kementerian Kewangan <https://forms.gle/SERGtFb1Q9cydNp2A> dan tinjauan umum yang telah dilengkapkan perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan pada atau sebelum jam 5.00 petang, 30 Ogos 2022.

Maklumat yang diterima dari tinjauan umum ini akan digunakan sebagai input bagi penetapan polisi oleh Kementerian Kewangan di dalam program rasionalisasi subsidi. Maklumat berkaitan data persendirian seperti jenis pekerjaan dan pendapatan tidak akan didedahkan kepada umum dan hanya digunakan semata-mata dalam merangka program pemberian subsidi secara bersasar.

Soalan dan keperluan maklumat lanjut boleh dikemukakan melalui emel **pasukansubsidi@treasury.gov.my**

Pejabat Belanjawan Negara
Kementerian Kewangan

16 Ogos 2022